

29/09/1998

10 firma Chile ikut serta

SEBANYAK 10 syarikat Chile yang berperanan sebagai pemimpin dalam industri masing-masing di negara berkenaan adalah antara 2,000 syarikat ahli ekonomi Kerjasama Ekonomi Asia Pasifik (Apec) yang akan menyertai Pameran Perdagangan Antarabangsa Apec 98.

Pameran yang akan dirasmikan oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pada 13 November ini di Kuala Lumpur diadakan sempena mesyuarat Menteri-menteri Apec di mana Malaysia akan menjadi tuan rumahnya.

Menurut Pegawai Perdagangan Chile di kedutaannya di Kuala Lumpur, Bob Kor, syarikat Chile itu terbabit di dalam pembuatan kelengkapan perlombongan, perkhidmatan perlombongan, pelancongan, pembuatan wain serta pengeluaran makanan laut.

Syarikat berkenaan, katanya, akan mempamerkan keluaran dan perkhidmatan terbaru mereka.

Menurut Kor, ini adalah pertama kali syarikat Chile turut serta dalam pameran perdagangan Apec dan objektif utama penyertaannya itu adalah untuk membuktikan komitmennya terhadap Apec dan meluaskan lagi perdagangannya dengan ahli ekonomi Apec.

Beliau berkata, pada masa ini, perdagangan Chile dengan ahli ekonomi Apec mewakili hampir 60 peratus daripada perdagangan luar negara itu, bernilai kira-kira AS\$33 bilion (RM125.4 juta) setahun.

"Harapan kami dengan penyertaan ini, jumlah itu akan meningkat, terutamanya perdagangan kami dengan Malaysia," katanya dalam satu sesi temubual baru-baru ini.

Bagi tempoh enam bulan tahun ini, perdagangan dua hala di antara Chile dan Malaysia ialah sebanyak AS\$64.76 (RM246.088 juta). Eksport Chile ke negara ini bernilai AS\$24.5 juta (RM93.1 juta) manakala importnya dari Malaysia pula bernilai AS\$40.2 juta (RM152.8 juta).

Import utama Chile dari negara ini terdiri daripada barangan elektronik, barangan getah dan perabot. Negara itu juga turut mengimport kereta nasional Proton.

Eksport utamanya ke Malaysia pula kebanyakannya adalah makanan laut dan logam tembaga.

Kor berkata, perdagangan di antara kedua-dua negara masih mempunyai potensi untuk dipertingkatkan.

"Syarikat Malaysia boleh mengambil kesempatan dengan menggunakan Chile sebagai pintu masuk ke pasaran Amerika Latin," tegasnya.

(END)